

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B DATO' OTHMAN BIN AZIZ [ JERLUN ]**  
**TARIKH : 14.10.2014**  
**SOALAN :**

**Dato' Othman bin Aziz [ Jerlun ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pembinaan SMK Agama Jerlun di Padang Sera yang telah diluluskan namun tiada perkembangan fizikal sehingga kini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, pelantikan kontraktor bagi projek ini baru sahaja selesai dan kerja-kerja pembinaan projek SMK Agama Jerlun di Padang Sera, Kedah telah dimulakan pada 2 Oktober 2014.